

## TINGKATAN 2 (BAB 8) : KABANGKITAN SEMANGAT KEBANGSAAN UNTUK MENGANGKAT MARTABAT BANGSA

### PMR 1995

1 Antara berikut yang manakah merupakan punca pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20?

- A Pengaruh pemikiran moden dalam Islam
- B Pengaruh pemikiran Sarekat Islam
- C Penubuhan Kesatuan Melayu Muda
- D Penubuhan Hizbul-Muslimin

(JAWAPAN A: NOTA 3e)

### Soalan 2 berdasarkan senarai di bawah.

- Saudara
- Warta Malaya
- Majlis
- Utusan Melayu

2 Akhbar yang disenaraikan di atas telah digunakan oleh golongan nasionalis pada tahun 1930-an.

Apakah matlamat utama akhbar tersebut diterbitkan?

- A Untuk menyeru perpaduan antara kaum di Tanah Melayu
- B Untuk menyokong dasar penggunaan bahasa Melayu
- C Untuk mewujudkan sistem tulisan jawi di sekolah Melayu
- D Untuk menyuarakan perasaan curiga orang Melayu

(JAWAPAN D: NOTA 5e)

### Soalan 3 berdasarkan senarai di bawah.

- Syed Syeikh al-Hadi
- Haji Abbas Muhammad Taha
- Syeikh Tahir Jalaluddin

3 Apakah matlamat utama perjuangan tokoh di atas?

- A Memberi pendidikan kepada orang Melayu
- B Membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan
- C Menyalurkan idea baru berdasarkan al-Quran dan Hadis
- D Menerapkan nilai budaya Islam dalam masyarakat Melayu

(JAWAPAN C: NOTA 3b+c)

### Soalan 4 berdasarkan peristiwa di bawah.

- Perang Rusia-Jepun
- Gerakan Turki Muda
- Gerakan Pemulihan Islam

4 Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap gerakan Tanah Melayu?

- A Bermulanya penentangan terhadap pihak Inggeris secara kekerasan
- B Wujudnya kerjasama antara orang Melayu dengan kaum lain
- C Berkembangnya semangat kebangsaan penduduk tempatan
- D Tercetusnya pergeseran antara golongan nasionalis sederhana dengan golongan nasionalis radikal

(JAWAPAN C: NOTA 2)

**Soalan 5** berdasarkan pernyataan di bawah.

*Maktab Perguruan Sultan Idris ditubuhkan pada tahun 1922 menggantikan Maktab Perguruan di Melaka dan di Matang*

5 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesan utama penubuhan maktab tersebut?

- A Wujudnya kesedaran pentingnya pelajaran di kalangan orang Melayu
- B Lahirnya teknik baru pengajaran bahasa Melayu
- C Bertambahnya jumlah pengeluaran buku dalam bahasa Melayu
- D Munculnya golongan nasionalis Melayu

(JAWAPAN D: NOTA 4a i)

6 Antara berikut, apakah faktor yang menyebabkan Maktab Perguruan Sultan Idris menjadi tempat lahirnya golongan nasionalis Melayu?

- I Galakan daripada pensyarah
- II Ketidakpuasan hati pelajar terhadap sistem pemerintahan Inggeris
- III Pertukaran pendapat antara pelajar dan penduduk setempat
- IV Pendedahan pelajar kepada fahaman politik melalui surat khabar dan majalah

A I, II, dan III

B I, II, dan IV

C I, III, dan IV

D II, III, dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 4a i)

**PMR 1997**

**Soalan 7** berdasarkan senarai di bawah.

- Ahmad Boestamam
- Hasan Manan
- Ibrahim Yaacob

7 Apakah persamaan antara tokoh-tokoh di atas?

- A Aktif dalam Kesatuan Melayu Muda
- B Nasionalis berpandangan sederhana
- C Aktif dalam gerakan pemulihan Islam
- D Lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris

(JAWAPAN D: NOTA 4a iii)

**PMR 1996**

**ANDREW**

**Soalan 8** berdasarkan jadual di bawah.

Penulis	Novel
• Ishak Hj. Muhammad	• Putera Gunung Tahan
• Harun Aminurrashid	• Melor Kuala Lumpur

8 Apakah mesej utama yang hendak disampaikan oleh penulis di atas melalui novelnya?

- A Mempertingkatkan pelajaran orang Melayu
- B Menyeru orang Melayu bergiat dalam bidang perniagaan
- C Mewujudkan perpaduan antara kaum
- D Menentang sebarang bentuk penjajahan

(JAWAPAN D: NOTA 6c)

9 Pada peringkat awal, perkembangan semangat nasionalisme di Tanah Melayu lemah tetapi pada tahun 1940-an perkembangannya menjadi pesat dan menyeluruh.


Apakah faktor utama yang mencetuskan perubahan ini?

- A Pengaruh pemimpin nasionalis dari Indonesia
- B Penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris
- C Pendudukan Jepun di Tanah Melayu
- D Penubuhan Kesatuan Melayu Muda

(JAWAPAN C: NOTA 2g)

**PMR 1998**

**Soalan 11** berdasarkan senarai di bawah.



11 Perkara-perkara di atas berkaitan dengan penerbitan akhbar pada awal kurun ke-20.

X ialah akhbar

- A Idaran Zaman
- B Warta Malaya

- C Al-Imam
- D Al-Ikhwan

(JAWAPAN C: NOTA 3c)

**PMR 1999**

**Soalan 12** berdasarkan senarai di bawah.

- Kesatuan Melayu Singapura 1926
- Kesatuan Melayu Muda 1938

12 Persamaan dalam perjuangan kedua-dua kesatuan di atas ialah

- I membangkitkan semangat kebangsaan
  - II menggalakkan perpaduan kaum
  - III mementingkan agama dalam kehidupan
  - IV memperjuangkan kebajikan peribumi
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV   |

(JAWAPAN D: NOTA 7b+c)

**Soalan 13** berdasarkan jadual di bawah.

Penulis	Puisi
Muhammad Yusuf Harun	Dunia Yang Fana
Omar Mustafa	Bangkitlah
Abdul Samad Ahmad	Serunai Pujangga

**13** Antara berikut apakah tujuan penulis menghasilkan puisi tersebut?

- I Membangkitkan semangat kebangsaan
  - II Menyemai perasaan cintakan tanah air
  - III Menyedarkan tentang nasib bangsa Melayu
  - IV Menekankan tentang kepentingan keagamaan
- A I, II, dan III      C I, III, dan IV  
B I, II, dan IV      D II, III, dan IV

(JAWAPAN A NOTA 6a)

### PMR 2000

**Soalan 14** berdasarkan jadual di bawah.

Akhbar	Tahun
Warta Malaya	1930
Majlis	1931

**14** Apakah yang diperjuangkan oleh kedua-dua akhbar dalam jadual di atas?

- A Memajukan pendidikan
- B Meningkatkan taraf hidup
- C Memajukan bidang agama
- D Mengkritik sikap penjajah

(JAWAPAN C: NOTA 4a ii)

**Soalan 15** berdasarkan petikan di bawah.

“... untuk mengingatkan mana yang lalai dan menjaga mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebaikan.”

Al-Imam

**15** Petikan di atas merupakan seruan Syed Syeikh Ahmad al-Hadi dalam akhbar Al-Imam pada Julai 1906. Apakah yang diperjuangkan oleh pemimpin tersebut?

- A Menekankan ajaran Islam
- B Menuntut kebebasan bersuara
- C Menghapuskan amalan tradisi
- D Mengutamakan pendidikan vernakular

(JAWAPAN A: NOTA 3c)

**Soalan 16** berdasarkan senarai di bawah.

- Ulaga Nesan
- Tamil Nesan
- Tamil Murasu

**16** Senarai di atas adalah surat khabar yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua. Apakah perkara yang ditekankan dalam akhbar tersebut?

- I Pentadbiran negara
- II Iklan perniagaan
- III Berita ringkas
- IV Sukan rekreasi

- A I dan II      C III dan IV  
B II dan III      D I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 5g i)

**Soalan 17** berdasarkan puisi di bawah.

Seruan Kebangsaan

Oleh kerana demikian  
Fikirlah tuan  
Carilah  
Ilmu pengetahuan  
Di situ terbitnya  
Punca kemajuan  
Yang boleh menghidupkan  
Roh kemajuan

Melati Pahang, 1940

- 17 Apakah mesej yang hendak disampaikan melalui puisi di atas?

- A Meningkatkan usaha
- B Menentang penjajahan
- C Mementingkan pendidikan
- D Mempertingkatkan taraf hidup

(JAWAPAN C)

- 19 Antara berikut manakah tujuan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura 1926?

- I Membasmi kemiskinan kaum peribumi
- II Memperjuangkan kemajuan pendidikan
- III Meningkatkan kemahiran dalam pentadbiran
- IV Memperjuangkan pelaksanaan perundangan Islam

- A** I dan II  
**B** II dan III

- C** III dan IV  
**D** I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 7b)

**PMR 2001**

- 20 Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh Syed Sheikh Al-Hadi melalui Hikayat Faridah Hanum pada tahun 1926?

- A Kepentingan Ilmu pengetahuan
- B Kesedaran ke arah kemajuan diri
- C Kebebasan wanita dalam pendidikan
- D Kesedaran mempertingkatkan amalan tradisi

(JAWAPAN A: NOTA 6c iv)

**PMR 2002**

- 21 Bagaimanakah penuntut Maktab Perguruan Sultan Idris menentang penjajahan British di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20?

- A Mendapatkan bantuan dari Timur Tengah
- B Menyebarluaskan idea melalui akhbar
- C Menganjurkan tunjuk perasaan
- D Mengadakan pungutan suara

(JAWAPAN B: NOTA 4a ii)

**Soalan 22** berdasarkan jadual di bawah.

Kaum	Akhbar/Majalah
Cina	Nanyang Siang Pau
India Peranakan	Taman Pengetahuan

- 22** Antara berikut yang manakah tujuan penerbitan di atas?
- Menyiarkan peristiwa yang berlaku di negara asal
  - Memuatkan rencana berkaitan kaum sendiri
  - Membincangkan masalah sosioekonomi
  - Memperjuangkan hak kerakyatan
- A** I, II, dan III    **C** I, III, dan IV  
**B** I, II, dan IV    **D** II, III, dan IV
- (JAWAPAN A: NOTA 5g)**

### **PMR 2003**

Soalan 23 berdasarkan petikan di bawah.

"Pemimpin-pemimpin Melayu wajib menyelidik penyakit dalam masyarakat Melayu dan menetapkan ubat ramuan-nya..."

Al-Iman

- 23** Ubat dalam petikan di atas merujuk kepada
- penubuhan persatuan
  - pengekalan adat istiadat tradisi
  - pendidikan bercorak kemahiran
  - pemahaman ajaran Islam sebenar
- A** I, II, dan III    **C** III dan IV  
**B** I, II, dan IV    **D** II, III, dan IV
- (JAWAPAN C: NOTA 3c)**

### **PMR 2004**

Soalan 28 berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Majalah/Akhbar
1911 – 1915	<i>Neracha</i>
1925 – 1930	<i>Idaran Zaman</i>
1926 – 1931	<i>Al-Ikhwan</i>

- 28** Menurut bahan bacaan di atas, kemunduran orang Melayu dapat diatasi dengan
- memajukan teknik pertanian
  - memartabatkan bahasa ibunda
  - memulaukan sistem pendidikan Barat
  - menjadikan agama Islam panduan hidup
- (JAWAPAN D: NOTA 3d)**

- 29** Kaum Tua telah menerbitkan akhbar *Suara Benar* dan *Lidah Benar*.

- Apakah tujuan penerbitan tersebut?
- Untuk menghargai kerjasama Kaum Muda
  - Untuk menentang idea Kaum Muda
  - Untuk mewujudkan kerjasama antara Kaum Muda dan Kaum Tua
  - Untuk menyebarkan idea Kaum Tua

**(JAWAPAN B: NOTA 3f)**

- 30** Puisi-puisi tahun 1920-an dan awal 1940-an tertumpu kepada isu
- kepemimpinan
  - hak wanita
  - nasib bangsa
  - semangat perjuangan
- A** I dan II    **C** III dan IV  
**B** II dan III    **D** I dan IV

**(JAWAPAN C: NOTA 6a)**

### **PMR 2005**

#### **Pelopor Gerakan Islah**

- Syeikh Muhammad Abduh
- Sayid Jamaluddin al-Afghani

- 34** Apakah kesan gerakan yang dipelopori oleh tokoh di atas kepada Tanah Melayu?
- Menyebarluaskan agama Islam
  - Mencetuskan semangat kebangsaan
  - Mengembangkan kegiatan sastera
  - Mewujudkan perpaduan antara kaum

**(JAWAPAN A: NOTA 3b)**

- 35 Sekitar tahun 1930-an, ramai pemuda Melayu telah menganggotai Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM).

Mengapakah mereka menganggotai pertubuhan tersebut?

- A Mewujudkan perpaduan Melayu
- B Menyokong gagasan Melayu Raya
- C Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu
- D Memperjuangkan penubuhan Askar Melayu

**(JAWAPAN A: NOTA 9a)**

1939	Persatuan Melayu Sarawak
1938	Persatuan Melayu Pahang
1937	Persatuan Melayu Perak

- 35 Garis masa di atas merujuk kepada penubuhan persatuan Melayu.

Apakah tujuan persatuan di atas dibentuk?

- I Meningkatkan taraf sosial
- II Mencetuskan perjuangan radikal
- III Memperjuangkan kemerdekaan
- IV Mengukuhkan kedudukan ekonomi
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

**(JAWAPAN D: NOTA 8c)**

### PMR 2006

- Abdul Rahim Kajai
- Harun Aminurrashid

- 35 Maklumat di atas merujuk kepada tokoh nasionalis di Tanah Melayu.

Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Mengasas fahaman radikal
- B Memimpin penentangan bersenjata
- C Membangkit kesedaran kebangsaan
- D Mencetus gerakan pemulihian agama

**(JAWAPAN C: NOTA 6a+b)**

### PMR 2007

Persidangan	Pengaruh
Persidangan Kebangsaan	Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)
Kongres Melayu Se-Tanah Melayu	- Kesatuan Melayu Singapura (KMS) - Persatuan Melayu Selangor (PMS)

- 34 Jadual diatas menunjukkan persidangan yang diadakan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Apakah persamaan matlamat persidangan tersebut?

- A Menuntut pilihan raya
- B Mempertahankan adat resam
- C Menyekat kemasukan imigran
- D Membentuk perpaduan

**(JAWAPAN D: NOTA 8b+9a)**

### PMR 2008

- 34 Apakah sumbangan pelajar lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim, Perak pada tahun 1930-an?

- A Menuntut pemulihian agama
- B Menerbitkan akhbar harian
- C Menganjurkan kongres kebudayaan
- D Menyemarakkan semangat kebangsaan

**(JAWAPAN D: NOTA 4)**

### RMR 2010

- 35 Apakah matlamat penubuhan Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938?

- A Manamatkan pemerintahan penjajah
- B Memupuk kesetiaan kepada raja
- C Mewujudkan perpaduan kaum
- D Memperjuangkan kepentingan agama

**(JAWAPAN A: NOTA 10c)**

- 36 Tokoh berikut merupakan nasionalis Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Harun Aminurrashid
- Muhammad Yassin Maamor
- Abdul Samad Ahmad

Apakah persamaan mereka dalam gerakan nasionalisme di Tanah Melayu?

- A Pengasas parti politik
- B Pengasas gerakan Islah
- C Berjuang melalui penulisan
- D Bersatu menentang Jepun

**(JAWAPAN C: NOTA 6)**

- 37 Bagaimanakah akhbar berikut berperanan dalam menyemarakkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu pada tahun 1930-an?

- Warta Malaya
- Majlis
- Utusan Melayu

- A Mengkritik dasar penjajah  
B Menentukan persamaan hak  
C Mendapatkan bantuan luar negara  
D Memperjuangkan pemulihian agama

(JAWAPAN A: NOTA 5a)

### PMR 2011

- 32 Apakah kesan perjuangan tokoh berikut terhadap penduduk Tanah Melayu?

Tokoh	Negara
Jose Rizal	Filipina
Soekarno	Indonesia

- A Pengukuhan sistem pendidikan  
B Kebangkitan semangat kebangsaan  
C Pelaksanaan pentadbiran moden  
D Kewujudan perpaduan kaum

(JAWAPAN B: NOTA 2)

- 33 Jadual berikut berkaitan dengan perkembangan politik dunia pada awal kurun ke-20.

Tahun	Peristiwa
1905	Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia
1911	Kejayaan Revolusi China

- Apakah kesan peristiwa tersebut ke atas Tanah Melayu?

- A Memantapkan sistem pentadbiran  
B Menamatkan semangat kenegerian  
C Menggalakkan pertubuhan parti politik  
D Menyemarakkan kesedaran kebangsaan

- 34 Apakah tujuan pertubuhan Persatuan India Pusat pada tahun 1926 di Tanah Melayu?

- A Menyediakan pendidikan tinggi  
B Memupuk perpaduan kaum  
C Memperjuang kepentingan ahli  
D Membendung pengaruh komunis